

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 13 JULAI 2016 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penyelidik UPM bolot pingat emas	KOSMO
2.	El-Nino 'Hisap' air	Harian Metro
3.	Rekod keterangan 12 individu bantu siasat kes bunuh	Harian Metro

# Penyelidik UPM bolot pingat emas

TIGA penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi satu pingat emas, dua (gangsa) dan satu (anugerah khas) pada pertandingan R&D Bioeconomy Innovation Awards baru-baru ini.

Pingat itu disampaikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Panglima Madius Tangau bersempena Pameran BioMalaysia & Asia Pacific Bioeconomy 2016 pada 31 Mei hingga 2 Jun di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Prof. Dr. Maznah Ismail dari Laboratori Biobahan Molekul, Institut Biosains (IBS) meraih pingat emas, sekali gus merangkul anugerah khas Bioeconomy Innovation of the Year menerusi produk inovasi Extraction of Fixed Oil & Thymoquinone Rich Fraction (TQGOLD) iaitu penghasilan sebatian bioaktif thymoquinone (TQ) yang terdapat di dalam biji *Nigella sativa* atau lebih dikenali sebagai habatus sauda



PARA pemenang merakamkan gambar kenangan pada pertandingan R&D Bioeconomy Innovation Awards di Kuala Lumpur baru-baru ini.

dengan menggunakan kaedah Supercritical Fluid Extraction (SFE).

Inovasi TQ berkesan untuk mencegah dan sebagai rawatan alternatif kepada penyakit-penyakit degeneratif seperti kardiovaskular dan kanser selain dapat mengekalkan kesihatan yang optimum kerana sifatnya yang kaya dengan antioksidan.

Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abd Rahman dari Pusat Penyelidikan Teknologi Enzim dan Mikrob, Fakulti

Bioteknologi dan Sains Biomolekul pula memperoleh pingat gangsa dengan inovasi Thermostable Organic Solvent-tolerant Protease.

Protease adalah sejenis enzim yang didapati daripada *Bacillus subtilis sp. Rand* yang bersifat organik. Enzim itu dapat diaplikasikan dalam perindustrian makanan, minuman, serbuk pencuci dan lain-lain kerana sifatnya yang tahan haba, toleran kepada pelarut organik dan mempunyai ketahanan

terhadap kemanisan yang tinggi.

Prof. Dr. Zulkifli Shamsuddin dari Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian juga memenangi pingat gangsa dengan produk Bacto 10: Liquid Biofertilizer.

Produk itu merupakan baja bio cecair yang mengandungi mikro organisme bukan patogen yang diasingkan daripada akar kelapa sawit dan mampu menghasilkan fitohormon bagi menggalakkan pertumbuhan akar dan meningkatkan kadar penyerapan air serta nutrien.

Sementara itu, Bioeconomy Innovation Awards merupakan anugerah yang pertama kali diadakan dengan anjuran bersama oleh MOSTI dan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp).

Ia memfokuskan kepada meningkatkan dan mewujudkan permintaan bagi produk serta perkhidmatan industri berdasarkan bio yang mempunyai nilai tambah dan mampan melalui sains, teknologi dan dasar inovasi.

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 10  
TARIKH : 13 JULAI 2016 (RABU)

10

setempat

13-07-2016



Empangan  
Bukit Kwong

# EL-NINO 'HISAP' AIR

■ Dua empangan utama bekal air berada pada tahap kritikal

Fazurawati Che Lah  
fazurawati@hmetro.com.my

## Buletin Setempat

Dua empangan utama negara yang membekalkan air mentah kepada penduduk terdiri berada pada tahap kritis iaitu kurang daripada 30 peratus sejak beberapa bulan lalu.

Menurut laman web rasmi Info Kembara Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sehingga jam 5 petang semalam, Empangan Bukit Kwong, Kelantan paling merosot

dengan baki simpanan kod merah iaitu 11.96 peratus.

Selaras dua bulan berlalu sejak Empangan Bukit Kwong dihentikan operasi, tiada perubahan ketara apabila stok simpanan itu hanya mengalami kenaikan setiapnya 1.12 peratus daripada 10.84 peratus.

Sementara itu, Empangan Muda, Kedah turut menurunkan baki simpanan bawah 30 peratus iaitu sebanyak 28.80 per-

ratus.

Manakala, lima empangan ini menunjukkan bacaan baki simpanan melebihi 50 peratus iaitu Empangan Padang Saga, Kedah (58.55 peratus); Empangan Bekok, Johor (70.03 peratus); Empangan Semenyih, Selangor (67.20); Empangan Klang Gata, Selangor (64.59 peratus) dan Empangan Anak Endau, Perak (61.85 peratus).

Selangkah lewat petang semalam, 11 lagi empangan di seluruh


negara tidak memaparkan sebarang bacaan baki simpanan, sebaliknya diletak pada status 'off line'.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), iklim Monsun Barat Daya yang dialami negara sekarang membawa perubahan kepada keadaan cuaca semasa ia itu kering dan panas.

Perubahan cuaca itu juga mempengaruhi taburan hujan iaitu kurang hujan berbanding musim lain, tetapi hujan lebat berserta ribut petir masih dijangkakan berlaku di satu atau tempat pada sebelah petang.

Empangan  
Air Itam

**FAKTA**  
Baki simpanan  
Empangan Kwong  
catat poros 11.96  
peratus



# KERATAN AKHBAR

## HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 14

### TARIKH : 13 JULAI 2016 (RABU)

**Kuala Lumpur:** Polis sudah merekodkan keterangan 12 individu bagi membantu siasatan berhubung kes pem bunuh kejam Datin Wong Siew Ling, 32, yang ditembak mati di Jalan Hujan Emas 4, Taman OUG Jalan Klang Lama, di sini, Rabu lalu.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan Perundangan) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Mohd Hanafiah Arshad berkata, pihaknya sebelum ini memaklumkan mengambil keterangan daripada 10 indi-

### Rekod keterangan 12 individu bantu siasat kes bunuh

vidu termasuk suami dan ahli keluarga mangsa.

Katanya, dua lagi individu diambil keterangan, semalam membabitkan dua anak mangsa dibunuh bagi membantu siasatan.

"Bagaimanapun, polis belum mengambil keterangan daripada mangsa terabit sehingga dia dilaporkan pulih sepenuhnya," katanya ketika dihubungi, semalam.

dilaporkan stabil tetapi masih dirawat di hospital sama.

"Kami juga dimaklumkan anak perempuan mangsa berusia lapan tahun yang menjalani pembedahan di perut akibat terkena serpihan peluru mula sedarkan diri semalam (kelmarin). Dia

menurutnya, polis menunggu laporan Jabatan Forensik dan Kimia yang dilakukan terhadap rakan manajet pan-du arah GoPro diperoleh dari kereta yang berjaya merakamkan kelibat suspek menariki motosikal dan menembak mangsa dari jarak dekat.

Katanya, rakaman berkenaan turut dihantar kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk membantu siasatan.

"Siasatan lanjut dilakukan dan sebarang perkembangan kami dimaklumkan selepas jadi manakala anak perempuannya berusia lapan tahun yang duduk di tempat duduk penumpang hadapan cedera ditembak."

Dalam kejadian jam 2.28 petang itu, mangsa bersama lima anak berusia dua hingga

**FAKTA**  
*Siew Ling mati di lokasi kejadian manakala anak perempuannya cedera ditembak*

13 tahun serta seorang pem bantu rumah diserang ketika melalui Jalan Hujan Emas 4, Taman OUG Jalan Klang La ma, di sini.

Dua lelaki menunggang motosikal dikatakan melepaskan lima das tembak ke arah mangsa di dalam kenderaan.

Kejadian itu menyebabkan Siew Ling mati di lokasi kejadian manakala anak perempuannya berusia lapan tahun yang duduk di tempat duduk penumpang hadapan cedera ditembak.